

Ukurtara apa Persisi gunakan

SAYA ingin merujuk berita berjudul 'Persisi calon tiga untuk Anugerah Olahragawan 1990' (BM 17 Februari 1991) dan ingin mengemukakan beberapa persoalan berkaitan dengan dasar Persisi memilih serta mencalonkan seseorang itu untuk anugerah negara.

Pertama, apakah ukurtara yang digunakan oleh Persisi untuk pencalonan itu? Apakah soal tingkah laku dan sikap kesukanan turut diambil kira dalam membuat pencalonan itu. **SUKAN ANUGERAH**

Kedua, apakah Azman Amat dicalonkan tanpa mengambil kira sikap beliau yang telah mengasari pegawai pertandingan Persisi di peringkat kebangsaan?

Ketiga, saya juga hairan mengapa Badriah Hosni dan Hosni Ahmad dicalonkan juga walaupun mereka turut menimbulkan keributan dalam satu pertandingan di peringkat kebangsaan?

Bolehkah Persisi memberikan penjelasan apakah dasar pencalonan mereka?

Keempat, bolehkah Persisi meyakinkan para pencinta silat dan masyarakat umum bahawa saranan serta keputusan yang dibuat adalah saranan/keputusan yang ikhlas, mulia lagi adil demi penyebaran serta pengembangan seni silat?

Kelima, apakah tindakan yang telah diambil terhadap

Anugerah Olahragawan 90: Tiga dicalon

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah memutuskan untuk mencalonkan Sheikh Alauddin Yaacob untuk Anugerah Olahragawan 1990.

Turut dicalonkan untuk Anugerah Olahragawati ialah Badriah Hosni dan Azman Amat untuk Anugerah Penghargaan sementara Hosni Ahmad sebagai Anugerah Jurulatih 1990.

Ini diumumkan oleh Penolong Setiausaha Satu Persisi, Khamin Said, sambil menyebut keputusan itu dibuat oleh

Jawatankuasa Pentadbir Persisi tidak lama dulu.

Persisi pernah mencalonkan Alauddin, Badriah dan Hosni untuk anugerah yang serupa dalam 1989 tetapi gagal.

Badriah dicalonkan berdasarkan kejayaannya memenangi pingat emas dalam Kejohanan Terbuka Malaysia dan gangsa dalam Kejohanan Dunia di Belanda.

Azman pula mengutip pingat perak Kejohanan di Belanda dan Hosni memenangi pingat perunggu dalam kejohanan yang sama.

IMBAS BALIK: Laporan BM 17 Februari 1991.

-2 MAR 1991

Azman serta pengurusan yang terlibat dalam keributan pertandingan peringkat kebangsaan 1990, ekoran pengaduan rasmi yang telah dibuat oleh para wasit/juri pada waktu itu.

Jika Perguruan Gayong (Pasak) telah dihukum gantung tiga tahun hanya kerana kesalahan tidak mengikut upacara menerima hadiah, apakah pula hukuman yang setimpal buat perguruan atau orang perseorangan yang membuat kesalahan yang lebih berat daripada itu?

Sesungguhnya, saya tidak lagi mempunyai keyakinan terhadap perguruan Persisi sejak berakhirnya pertandingan peringkat kebangsaan yang telah lalu.

Banyak keputusan dan dasar-dasar Persisi tidak dapat

menyatupadukan para pencinta seni silat.

Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa segala keputusan serta dasar Persisi yang dibuat adalah untuk keuntungan/kelebihan satu-satu perguruan atau orang perseorangan.

Saya berharap dengan tersiarnya persoalan saya ini, ada perguruan/perkumpulan serta orang perseorangan yang mencintai seni silat kita serta yang inginkan keadilan akan tampil dan memberikan pandangan mereka.

Dan juga biarlah pandangan serta saranan mereka itu dibuat melalui akhbar dan tidak melalui sidang tertutup Persisi.

**Isdenuur
Bedok Reservoir Rd**